



PENGELUARAN PERUMAHAN PR1MA (PPP)

TUJUAN

Membantu Ahli KWSP Memiliki Sebuah Rumah Di Bawah Skim Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) Dengan Memanfaatkan Simpanan KWSP Ahli Sedia Ada Serta Caruman Bulanan Di Masa Depan.

PRINSIP ASAS

1. Pengeluaran hanya boleh dibuat bagi tujuan membiayai pembelian rumah PR1MA dan pembayaran dibuat terus kepada Institusi Kewangan.
2. Hadangan kesemua simpanan Akaun 2 dan caruman bulanan di masa depan.
3. Tiada pengeluaran pra-persaraan dibenarkan selepas hadangan diluluskan

A. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Ahli merupakan pembeli rumah PR1MA dan mengambil pinjaman perumahan melalui Skim Pembiayaan Fleksibel (SPEF) PR1MA.
2. Ahli belum pernah membuat pengeluaran perumahan KWSP, atau sekiranya ahli pernah membuat pengeluaran perumahan KWSP, ahli telah melupuskan atau hilang pemilikan harta berkenaan.
3. Warganegara Malaysia.
4. Belum mencapai umur 55 tahun.

B. KONSEP DAN KAEDAH PENGELUARAN PPP

1. PPP melibatkan dua (2) proses utama iaitu:
 - a. Hadangan simpanan ke atas Akaun 2 KWSP ahli: dan
 - b. Pengeluaran PPP
2. Apabila permohonan hadangan diluluskan, Akaun 2 ahli akan kekal dihadang selagi tidak dibatalkan dan tiada pengeluaran pra-persaraan boleh diluluskan sepanjang tempoh berkenaan.
3. Hadangan simpanan bagi tujuan Pengeluaran Perumahan PR1MA akan dilepaskan / ditamatkan dalam keadaan berikut:
 - a. Ahli telah mencapai umur 55 tahun;
 - b. Ahli membuat Pengeluaran Pekerja Berpencen, Pengeluaran Hilang Upaya dan Pengeluaran Meninggalkan Negara;
 - c. Ahli meninggal dunia dan waris / penama ahli membuat Pengeluaran Kematian; atau
 - d. Arahan / Kebenaran bertulis daripada Institusi Kewangan.

4. Bayaran Pengeluaran PPP dibuat secara bulanan mengikut amaun yang ditentukan oleh ahli dan dipersetujui bersama Institusi Kewangan.
 - a. Tertakhluk kepada pilihan ahli, ahli juga boleh membuat pengeluaran sebahagian (partial) atau kesemua simpanan dari Akaun 2 bagi tujuan mengurangkan baki pinjaman perumahan PR1MA ini.
 - b. Amaun pengeluaran dipohon adalah tertakhluk kepada kadar minimum RM 50.00.
5. Ahli boleh menstruktur semula amaun bayaran Akaun 2 bulanan pada bila-bila masa dengan persetujuan Institusi Kewangan.
6. KWSP akan membayar kesemua amaun yang berada di dalam Akaun 2 ahli jika baki Akaun 2 kurang daripada amaun bayaran bulanan yang ditentukan ahli; tertakhluk kepada bayaran minimum RM 50.00.
7. Jika rumah ahli dijual melalui prosiding halang tebus (foreclosure) oleh Institusi Kewangan, simpanan Akaun 2 akan terus dihadang melainkan kebenaran bertulis oleh Institusi Kewangan diberikan kepada KWSP untuk menamatkan hadangan.
8. **PENTING:**
 - a. KWSP tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan / ketiadaan bayaran kepada Institusi Kewangan yang berkemungkinan disebabkan oleh:
 - i. Ketidadaan caruman bulanan; atau
 - ii. Kelewatan pengkreditan caruman atas apa-apa sebab; atau
 - iii. Pembekuan akaun atas perintah mahkamah berhubung Tuntutan Harta Perkahwinan atau perintah perlucuthakkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram. Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) ke atas simpanan ahli atau pembekuan atas sebab-sebab lain.
 - b. Apabila ahli telah mencapai umur 55 tahun atau layak membuat pengeluaran kesemua simpanan melalui skim Pengeluaran KWSP, ahli adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan baki pinjaman perumahan PR1MA tersebut (jika ada) secara terus dengan Institusi Kewangan.

C. CARA MEMOHON

Langkah 1



1. Ahli mendaftar dan memohon Perumahan PR1MA
2. Ahli menerima Surat Tawaran Pembelian daripada PR1MA

Langkah 2



1. Ahli hadir ke Institusi Kewangan untuk urusan pinjaman perumahan.
2. Ahli membuat permohonan:
 - Hadangan simpanan
 - Pengeluaran PPP
 - Penstruktur semula
 - Pembatalan hadangan simpanan.
3. Insituti Kewangan mengesah dan menghantar permohonan ahli ke KWSP

Langkah 3



1. Memproses permohonan ahli yang diterima dari institusi Kewangan.
2. Makluman kepada ahli melalui SMS/Mesej sekuriti i-Akaun/ Notis

D. PERTANYAAN

Jika ahli mempunyai kemusykilan atau memerlukan maklumat lanjut mengenai pengeluaran ini, sila hubungi:

- Mana-mana cawangan KWSP yang berhampiran
- Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di talian **03-8922 6000**
- Maklum balas Pelanggan di **<http://enquiry.kwsp.gov.my>**

Sila nyatakan nombor KWSP atau nombor Kad Pengenalan ahli dan jenis pengeluaran yang di pohon apabila berurusan dengan KWSP. Ahli juga boleh melayari laman web KWSP di alamat **www.kwsp.gov.my** bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai jenis pengeluaran KWSP dan panduan umum kepada ahli.

Anda Keutamaan Kami